



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَاهُ الْهَوَالِ الْاِكَامِ الْاِسْلَامِيَّةِ كِبَارَةَ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

27 ZULKAEDAH 1444H / 16 JUN 2023M

PERUBAHAN IKLIM UMPAMA "KIAMAT KECIL"

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan Kerjasama

Bahagian Media dan Promosi, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 12.06.2023

PEGAWAI PENYEMAK : M.
MOHD ZARATKHAN ABD RAHMAN

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA: 14/06/2023

DIBACA PADA: BAHARUDIN B. ABU 3

DILULUSKAN OLEH:
Ketua Pencilong Pengarah
Bahagian Penyelidikan & Intimasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

PERUBAHAN IKLIM UMPAMA "KIAMAT KECIL"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ

الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ٤١ (سورة الروم (30): 41)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَي حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ

الأنبياء والمرسلين، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ

إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ

الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan ke hadrat Allah SWT, dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Islam menekankan kepentingan dalam memelihara alam sekitar bagi menangani krisis perubahan iklim yang semakin ketara dan membimbangkan. Justeru itu, khutbah pada hari ini akan membincangkan tajuk: **PERUBAHAN IKLIM UMPAMA "KIAMAT KECIL"**.

HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Alam sekitar merupakan anugerah Allah SWT yang sangat bernilai kepada semua makhluk di muka bumi ini. Anugerah ini berkait rapat dengan kepelbagaian perubahan elemen cuaca dan iklim, antaranya, seperti kejadian awan, hujan, salji, pergerakan arah angin dan ribut, suhu dan kelembapan udara.

Di Malaysia, kita memiliki iklim yang panas dan lembap sepanjang tahun disebabkan oleh kedudukan negara yang berhampiran dengan garisan Khatulistiwa. Keadaan ini secara langsung mempengaruhi sebahagian besar kehidupan manusia dari aspek gaya hidup, kegiatan seharian, sumber makanan, kesihatan, termasuk hukum syarak khususnya ibadah yang dipengaruhi oleh cuaca dan iklim di sesuatu tempat pada ketika tertentu.

Justeru, sekiranya terdapat perubahan yang keterlaluan pada iklim, ia bukan sahaja boleh menyebabkan risiko bencana alam akibat daripada perubahan corak permukaan bumi, tetapi juga memberi kesan terhadap kelangsungan hidup manusia.

Persoalannya, adakah kita sedar akan kerakusan segelintir manusia yang melampaui batas menerusi pengeksploitasian sumber alam yang mendorong kepada kemerosotan alam sekitar? Perbuatan ini mengundang bencana alam, antaranya, seperti perubahan cuaca yang tidak menentu, banjir besar dan gempa bumi, umpama "kiamat kecil"

yang melanda bumi. Bencana yang berlaku akibat perbuatan manusia adalah bertentangan dengan perintah Tuhan di samping melanggar hak asasi manusia lain. Firman Allah SWT dalam surah al-Rum, ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ
الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Maksudnya: "Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)."

(QS al-Rum (30):41)

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Malaysia, sebagai sebuah negara yang membangun kini sedang berdepan dengan impak perubahan iklim yang sangat ketara, antaranya, bencana banjir serta fenomena cuaca panas yang melampau. Baru-baru ini, negara dikejutkan dengan bencana banjir di negeri Johor yang mencatatkan 74,453 jumlah mangsa banjir pada bulan Mac 2023. Selain itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) turut mengeluarkan amaran cuaca panas pada tahap berjaga-jaga di beberapa negeri.

Menurut satu laporan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 2018 telah menjangkakan kadar kematian disebabkan kesan perubahan iklim adalah sebanyak 250,000 pada tahun 2030 sehingga tahun 2050.

Melihat kepada laporan dan statistik ini, kita harus sedar risiko bahaya yang bakal melanda pada masa akan datang. Perubahan iklim bukan

sahaja boleh mengancam keseimbangan ekosistem yang boleh menjejaskan hak kepada nyawa. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab ketua-ketua negara untuk melindungi dan mengimarahkan bumi bagi memastikan alam sekitar berada dalam keadaan baik untuk didiami oleh kehidupan.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Isu perubahan iklim yang melanda dunia pada ketika ini, bukanlah satu fenomena yang baru, ia telah berlaku sejak abad ke-18 hasil daripada tercetusnya Revolusi Industri.

Perubahan iklim terjadi disebabkan oleh banyak perkara, antaranya, pelepasan gas rumah hijau hasil daripada asap kenderaan, pelupusan sisa pepejal dan pelepasan gas yang tidak dirawat daripada kilang atau di kawasan perindustrian, pembakaran terbuka, pembalakan haram serta penebangan hutan yang tidak terkawal. Sekiranya perkara ini terus dibiarkan, ia akan mengakibatkan bencana alam seperti jerebu, kemarau, tanah runtuh, banjir, ribut taufan, krisis bekalan air, peningkatan pada paras air laut dan sebagainya.

Manusia sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini, tidak boleh berdiam diri sahaja. Ini kerana kita mempunyai tanggungjawab untuk mentadbir dan mengurus sebaik-baiknya alam ciptaan-Nya yang tiada cacatnya, sepertimana firman-Nya dalam surah al-Mulk, ayat 3:

الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ طِبَاقًا^ط مَا تَرَى فِي خَلْقِ الرَّحْمَنِ مِنْ تَفَوتٍ^ط

فَارْجِعِ الْبَصَرَ هَلْ تَرَى مِنْ فُطُورٍ

Bermaksud: *"Dia lah yang telah mengaturkan kejadian tujuh petala langit yang berlapis-lapis; engkau tidak dapat melihat pada ciptaan Allah Yang Maha Pemurah itu sebarang keadaan yang tidak seimbang dan tidak munasabah; (jika engkau ragu-ragu) maka ulangilah pandangan - (mu) - dapatkah engkau melihat sebarang kecacatan? "*

(QS al-Mulk (67):3)

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Di Malaysia, pelepasan bahan-bahan yang berbahaya tanpa mengikut syarat yang ditetapkan sehingga mengakibatkan pencemaran alam sekitar merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 21 dan 51, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127). Lebih-lebih lagi, kerajaan juga komited dalam menangani isu perubahan iklim menerusi Dasar Perubahan Iklim Negara bagi memastikan pengurusan sumber alam yang baik serta pemuliharaan alam sekitar demi menjamin kualiti hidup.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Kelestarian alam sekitar bukan sahaja akan membawa pertumbuhan dan kestabilan ekonomi yang mampan, malah ia juga mencerminkan model sebuah negara yang bertamadun. Krisis perubahan iklim perlu ditangani dalam memastikan peningkatan suhu global dapat dikurangkan bagi mengelakkan berlakunya sebarang bencana alam.

Justeru, kerajaan perlu memberi tumpuan dalam memacu penguatkuasaan, mengawal selia, serta merancang pelan adaptasi dan mitigasi sepertimana komitmen negara dalam mencapai sasaran menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) ke arah pertumbuhan hijau, serta persekitaran yang sihat, bersih dan mampan.

Penglibatan awam serta pihak-pihak yang berkepentingan secara menyeluruh dan inklusif perlu diamalkan bagi memastikan tiada sesiapa yang tertinggal dalam menyuarakan pendapat dan membuat keputusan di peringkat nasional. Masyarakat juga perlu memainkan peranan penting dalam menangani perubahan iklim melalui perubahan ke arah gaya hidup yang lestari seperti amalan pengasingan sisa dan kitar semula, membudayakan penanaman pokok, serta mengurangkan penggunaan polisterin dan beg plastik dalam kehidupan seharian.

Dari sudut Islam, pendekatan maqasid syariah memberikan keutamaan kepada masalah manusia boleh dijadikan panduan dalam menjaga dan memulihara kesejahteraan sejagat. Ia menekankan bahawa kejadian alam dan segala kekayaan yang dimiliki oleh manusia adalah hak mutlak Allah SWT. Manusia sewajarnya bertanggungjawab menguruskan harta kurniaan-Nya dengan menyampaikan kebaikan yang diperolehi kepada masyarakat seluruhnya dan tidak melakukan kerosakan ke atas alam sekitar. Firman Allah SWT dalam surah al-A'raf, ayat 56:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ
اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ٥٦

Bermaksud: *“Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepadaNya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya.”*

(QS al-A'raf (7):56)

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Akhirnya, mimbar mengambil kesempatan sempena dengan Hari Alam Sekitar Sedunia, berpesan supaya kita bersama-sama memainkan peranan masing-masing dalam menghadapi dan mengendalikan masalah perubahan iklim. Antara kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah hari ini ialah:

PERTAMA: Isu perubahan iklim tidak boleh dipandang ringan kerana ia banyak mendatangkan kemudaratan kepada kehidupan. Ia adalah bertentangan di sisi agama serta merupakan satu bentuk pencabulan hak asasi manusia.

KEDUA: Peruntukan undang-undang negara membabitkan alam sekitar perlu dipatuhi serta mengambil kira pendekatan hak asasi manusia secara holistik dalam melaksanakan keputusan.

KETIGA: Tanggungjawab dan peranan pemimpin negara serta masyarakat bergerak seiring dalam menangani isu perubahan iklim.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تیک س خطبہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى
مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوك بَكِينِدَا يَغْ دَقْرَتَوَانِ اَكُوغْ وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ
الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَقْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522142 / jheains.penerbitan@gmail.com